

25/09/2002

Kerajaan akan terus taja pelajar ke AS

Kandau Sidi

MIRI, Selasa - Kerajaan akan terus menaja pelajar menuntut di Amerika Syarikat (AS) walaupun ada desakan supaya mereka dihantar ke negara lain berikutan syarat ketat AS meluluskan visa pelajar.

Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, berkata walaupun demikian, pelajar tajaan kerajaan mempunyai pilihan untuk belajar di tempat lain.

"Kita ada banyak pilihan...pelajar kita boleh belajar di Ukraine, New Zealand, Australia, China dan malah Russia," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan antarabangsa pendidikan tinggi anjuran bersama Institut Pembangunan Sarawak dan Universiti Teknologi Curtin Sarawak (CUTS) cawangan Miri, di sini hari ini.

Persidangan tiga hari itu dihadiri lebih 150 ahli akademik dari lebih 20 negara sempena perasmian CUTS semalam.

Beliau juga berkata, kementerian tidak akan terburu-buru membeku serta-merta penghantaran pelajar meneruskan pengajian ke AS berikutan masalah mendapatkan visa.

"Kita tidak akan tergopoh gapah dalam membuat keputusan untuk menjaga kepentingan semua pihak," katanya.

Aziz juga berkata, kementerian berjanji mencari tempat untuk lebih 150 pelajar Malaysia yang gagal meneruskan pengajian ke Amerika Syarikat kerana masalah berkenaan.

Beliau berkata, pada masa sama, kerajaan masih berusaha membantu pelajar berkenaan mendapatkan visa dari AS.

"Kerajaan tidak bercadang meminta pelajar terbabit yang kebanyakannya beragama Islam meneruskan pengajian mereka di universiti tempatan. Kita belum mengenal pasti mana-mana universiti tempatan bagi mereka untuk meneruskan pengajian mereka," katanya.

Selasa lalu, Aziz mendedahkan lebih 150 pelajar Islam Malaysia yang pulang bercuti gagal meneruskan pengajian kerana AS enggan mengeluarkan visa kepada mereka sejak sebulan lalu.

Berikutan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan perlu mencari alternatif lain jika pihak AS tidak menukar dasar mengenai pelajar Malaysia.

Mengenai sama ada institusi pengajian tinggi terbabit dalam gerakan Jemaah Islamiyah, Aziz beliau berkata: "Kementerian tidak menolak kemungkinan ada pelajar institusi pengajian tinggi terbabit dalam gerakan berkenaan.

"Bagaimanapun, kita akan mengawasi perkembangan ini secara serius supaya tiada yang terbabit," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata sukar untuk kementerian mengenal pasti jika ada pelajar IPT menyertai pergerakan seperti itu.